

Tengku Razaleigh tiada cadangan bertanding

BH - 7 JAN 2000

KOTA BHARU, Khamis – Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, tidak ada rancangan untuk bertanding dalam Perhimpunan Agung parti, pada 11 Mei ini.

Katanya, sehingga sekarang beliau masih belum memikirkan mengenai perkara itu.

Menurutnya, apa yang akan dilakukan sekarang ialah untuk menyampaikan nasihat kepada ahli Umno peringkat bahagian mengenai keputusan Majlis Tertinggi (MT) bahawa jawatan Presiden dan timbalannya tidak dipertandingkan pada mesyuarat pemilihan itu.

“Saya sendiri, pada masa ini, tidak ada apa-apa rancangan untuk pemilihan parti kali ini. Bahkan belum memikirkan soal itu,” katanya kepada pemberita sebelum mengadakan perjumpaan tertutup dengan Persatuan Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) di Pejabat Umno negeri, di sini, hari ini.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Gua Musang berkata demikian ketika ditanya sama ada akan bertanding

sebarang jawatan penting dalam MT pada Perhimpunan Agung itu.

Ditanya pendiriannya berhubung keputusan MT supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno tidak dipertandingkan, Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak mempunyai pandangan dalam perkara itu.

“Selaku Pengerusi Perhubungan (Umno) Negeri, saya terpaksa menyampaikan nasihat yang dibuat MT kepada bahagian. Itulah keputusan yang disampaikan kepada kami dalam mesyuarat lepas.

“Saya rasa pandangan saya tidak begitu penting. Saya hanya menjalankan tugas.

“Itu adalah nasihat mengikut apa yang dimaklumkan oleh Presiden parti (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed) kepada kita. Nasihat kepada bahagian-bahagian supaya tidak mencalonkan orang lain.

“Tetapi hari ini pula apabila membaca akhbar, Dr Mahathir dilaporkan berkata, beliau tidak melarang mana-mana pihak kalau tak mahu ikut nasihat MT me-

reka mempunyai hak untuk mencalonkan sesiapa untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

“Ini menyebabkan saya dalam keadaan tersepit. Bagaimanapun, saya akan menunaikan amanah untuk menasihatkan bahagian Umno di Kelantan supaya mematuhi keputusan MT itu,” katanya.

Ditanya sama ada beliau bersedia bertanding jika dicalonkan oleh bahagian sebagai Timbalan atau Naib Presiden Umno pada pemilihan akan datang, beliau berkata:

“Saya fikir bila dah dengar nasihat daripada pihak atas dan kebiasannya pandangan dan pendirian pihak atas itu diikuti oleh orang bawah, maka mungkin tak ada orang yang berani membuat pencalonan.

“Saya tetap dengan pendirian awal iaitu untuk berkhidmat tanpa memikirkan soal jawatan dalam parti malah sanggup menjadi ‘gurkha,’” katanya.

Beliau berkata, jika diambil kira pendapat sesetengah pihak dalam parti bahawa ja-

watan penting dalam MT hanya patut diisi oleh mereka yang memegang jawatan sebagai menteri dan timbalan menteri, Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak dapat memenuhi kriteria itu.

“Kalau itu saya tak dapat penuhi, barangkali jawatan-jawatan lain pun saya tidak akan dapat penuhi,” katanya.

Menurutnya, mungkin mereka yang bersetuju supaya jawatan dalam parti dipertandingkan kerana memikirkan supaya dapat memberi nafas baru dan memberi peluang kepada parti menyediakan barisan pelapis agar dapat meneruskan kesinambungan perjuangan parti itu pada masa depan.

Selain itu, katanya, ia dapat memberi peluang kepada semua golongan, termasuk ahli profesional menyertai kepemimpinan parti di semua peringkat.

Mengenai politik wang, Tengku Razaleigh berkata, amalan menggunakan apa saja kemudahan sama ada wang, jentera, kakitangan dan agensi kerajaan dalam masa berkempen tidak wajar dilakukan.

10